



SIARAN AKHBAR

BENGKEL PENGEMASKINIAN DASAR BIODIVERSITI NEGARA DAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK (*NATIONAL BIODIVERSITY POLICY AND STRATEGIC PLAN OF ACTION, NBPSA*)

**Bandar Seri Begawan,
Selasa, 26 Rabiulawal 1446 / 1 Oktober 2024**

Bengkel Pengemaskinian Dasar Biodiversiti Negara dan Pelan Tindakan Strategik (*National Biodiversity Policy and Strategic Plan of Action, NBPSA*) dianjurkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan, bermula dari 1 hingga 2 Oktober 2024. Bengkel tersebut diadakan di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat semasa acara pembukaan rasmi bengkel tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Bengkel ini disertai oleh agensi-agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi dan agensi bukan kerajaan yang berkepentingan terhadap pengurusan dan pemuliharaan biodiversiti. Dalam ucapan alu-aluan Tetamu Kehormat, antara perkara yang diketengahkan ialah tanggungjawab pengurusan sumber biodiversiti Negara bukan hanyalah dipikul oleh satu agensi Kerajaan sahaja. Agar pengurusannya dapat dilaksanakan secara teratur dan efektif, ianya perlu kefahaman dan kerjasama daripada pelbagai pihak, sama ada daripada agensi kerajaan atau bukan kerajaan. Yang Mulia tetamu kehormat juga menyatakan bahawa kepentingan biodiversiti bukan sahaja menjurus kepada kestabilan alam sekitar, malah ianya juga adalah penting untuk pembangunan sosial dan ekonomi Negara.

Bengkel yang diadakan selama dua hari tersebut merupakan komitmen Negara Brunei Darussalam selaku parti kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Konvensyen Kepelbagaian Biologi (*United Nation Convention on Biological Diversity, UN CBD*), khususnya terhadap penyelarasan dan pengemaskinian dasar biodiversiti Negara ini selaras dengan petunjuk-petunjuk yang terkandung dalam *Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework (KMGBF)*. Dengan penyelarasan dan pengemaskinian tersebut, adalah diharapkan agar inisiatif-inisiatif pengurusan dan pemuliharaan biodiversiti di peringkat nasional dan antarabangsa akan memberikan impak yang ketara, iaitu bagi mengurangkan kehilangan atau kepupusan biodiversiti menjelang tahun 2030. Melalui bengkel ini, adalah diharapkan juga agar dasar biodiversiti yang dikemaskini adalah menyeluruh, merangkumi dan mengambil kira semua kepentingan dan aspek daripada semua pihak yang berkepentingan.

Negara Brunei Darussalam dan juga negara-negara parti kepada CBD akan mengongsikan dasar biodiversiti kebangsaan masing-masing ke Persidangan Biodiversiti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2024 bagi Ahli kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi (*The 2024 United Nations Biodiversity Conference of the Parties to the UN Convention on Biological Diversity, COP CBD*)

16) yang dijadualkan untuk diadakan pada 21 Oktober hingga 1 November 2024 di Cali, Colombia.

Negara Brunei Darussalam akan sentiasa komited dan akan terus memberikan sokongan terhadap mana-mana inisiatif yang berkaitan dengan pengurusan dan pemuliharaan biodiversiti. Pengurusan biodiversiti secara mampan adalah perlu demi kepentingan sosial, ekonomi dan kestabilan alam sekitar, bukan sahaja untuk generasi masa kini, tetapi juga untuk generasi akan datang.

-SELESAI-

Disediakan oleh:
Jabatan Perhutanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam